

## 41 pengendali makanan, minuman dikompaun

HARIAN METRO 09-06-2017

Tidak memiliki kad kesihatan serta gagal memakai penutup hidung dan mulut menyebabkan 41 pengendali makanan dan minuman di bazar Ramadan di daerah ini dikompaun sejak 1 Ramadan hingga kelmarin.

Kesalahan itu bukan saja di bazar Ramadan, malah di gerai biasa di Indera Sempurna, Taman Tas, kampung Pandan Damai dan Indera Mahkota 14, di sini.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, dua kesalahan yang sering dilakukan peniaga ialah tidak memiliki kad kesihatan dan tidak memakai penutup mulut dan hidung seperti yang disyaratkan.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu turut mengeluarkan notis iaitu pemberitahuan secara bertulis supaya pengendali makanan dan minuman tidak mengulangi kesalahan terbabit.

“Jika masih gagal mematuhi syarat ditetapkan, tindakan kompaun akan dikenakan terhadap mereka.

“Dalam kes seperti ini MPK bertegas bagi memastikan peniaga mementingkan aspek kebersihan dan bukan sekadar mengaut keuntungan semata-mata,” katanya.

Bagi memastikan peniaga bazar Ramadan mematuhi segala peraturan sepanjang bulan ini, Izad Zainal berkata, pihaknya menempatkan kakitangan MPK di semua bazar Ramadan untuk memudahkan urusan.